



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA MENGENAI PELETAKAN JAWATAN  
YAA TUN RAUS SHARIF SEBAGAI KETUA HAKIM NEGARA**

**DAN**

**YAA TAN SRI DATO' SERI ZULKEFLI BIN AHMAD MAKINUDIN  
SEBAGAI PRESIDEN MAHKAMAH RAYUAN**

1. Pada 15 Mei 2018, Ketua Hakim Negara dan Presiden Mahkamah Rayuan telah bertemu dengan YAB Perdana Menteri dan telah menyampaikan hasrat Yang Amat Arif-Yang Amat Arif untuk meletakkan jawatan.
2. Walau bagaimanapun, Yang Amat Arif-Yang Amat Arif telah memaklumkan kepada YAB Perdana Menteri bahawa peletakan jawatan itu akan berkuat kuasa pada tarikh yang munasabah untuk membolehkan segala urusan kehakiman diselesaikan.
3. Selaras dengan pertimbangan sedemikian, Ketua Hakim Negara dan Presiden Mahkamah Rayuan telah mengutus surat peletakan jawatan masing-masing kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 7 Jun 2018 dan peletakan jawatan itu akan berkuat kuasa pada **31 Julai 2018**.
4. Peletakan jawatan itu telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 8 Jun 2018 dan dimaklumkan melalui surat Setiausaha Sulit, Bahagian Urusan Diraja, Istana Negara bertarikh 11 Jun 2018.

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Putrajaya  
13 Jun 2018